

14 MAY 2001

Vajpayee-Kunjungan

PERDANA MENTERI INDIA KUNJUNGI DR MAHATHIR DI PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 14 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee yang tiba semalam untuk lawatan rasmi empat hari ke Malaysia, hari ini mengunjungi rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Ketibaan Vajpayee di Kompleks Jabatan Perdana Menteri di sini telah disambut oleh Dr Mahathir.

Vajpayee dan Dr Mahathir mengadakan perjumpaan tertutup selama kira-kira 40 minit.

Mereka kemudian beredar ke mesyuarat delegasi.

Kedua-dua pemimpin itu turut menyaksikan pemetraian beberapa memorandum persefahaman mengenai kerjasama dua hala kerajaan dan swasta oleh wakil-wakil delegasi kedua-dua negara.

Terdahulu Vajpayee yang tiba bersama delegasi seramai 135 anggota turut diberi sambutan rasmi di Dataran Putra.

Perbarisan dan kawalan kehormatan diadakan terdiri daripada 106 anggota dan tiga pegawai Batalion Pertama (Istiadat) Rejimen Askar Melayu Diraja dan pasukan pancaragam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Perdana Menteri India itu kemudian diperkenalkan kepada Menteri Kabinet serta ketua perwakilan asing di Malaysia.

Lawatan Vajpayee ke Malaysia ini merupakan kali pertama baginya sejak dilantik sebagai Perdana Menteri India pada Oktober 1999.

Beliau turut dijadual menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi petang ini sebelum diraikan pada majlis makan malam di kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana di sini.

-- BERNAMA

JAI NHA AFY NMO